

29/04/1998

Rakyat digalak belanja secara bijak

Abdul Halim Yusoff

SELARAS dengan langkah kerajaan mempercepatkan pemulihan ekonomi negara, Edaran Otomobil Nasional Bhd (EON) merayu rakyat Malaysia supaya berbelanja secara bijaksana bagi mendorong pertumbuhan ekonomi.

Pengarah Urusan EON, Datuk Adzmi Abdul Wahab, berkata rakyat Malaysia tidak seharusnya menumpukan fikiran mereka terhadap suasana yang muram sehingga melumpuhkan sama sekali amalan berbelanja.

Beliau mengulas saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membasmikan pemikiran negatif, sebaliknya menaruh kepercayaan kepada usaha kerajaan memulihkan ekonomi dengan mengajak rakyat berganding bahu ke arah itu.

Sehubungan itu, katanya, media perlu memainkan fungsi mereka dengan melaporkan berita positif demi meningkatkan Indeks Sentimen Pengguna (CSI) keluaran Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (Mier) yang jatuh ke paras paling rendah iaitu 88.5 mata dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini berbanding 104.9 mata bagi tempoh sama tahun lalu.

"Kejatuhan 16.4 mata itu adalah paling ketara yang pernah dicatat sejak Mier melancarkan kaji selidik CSI.

"Indeks pengguna itu mula jatuh tiga bulan terakhir 1997 yang mencerminkan pergolakan ekonomi serantau," katanya pada majlis makan tengah hari EON bersama wakil media di Shah Alam, baru-baru ini.

Adzmi berkata, angka CSI menunjukkan pengguna sungguh berhemat membelanjakan wang kerana menjangka kesukaran akan berpanjangan dan semakin meruncing pada masa depan.

"Tindakan sedemikian menyebabkan kemerosotan permintaan barangan secara keseluruhan," katanya.

Beliau berkata, berikutan itu, peruncit mendapati jualan mereka merosot kerana orang ramai enggan membeli barang kecuali yang mereka perlukan saja dan itu pun jumlahnya dikurangkan.

"Mungkin hanya perniagaan kecil seperti peniaga pasar malam dan warung yang mengalami sedikit pertumbuhan berikutan lebih ramai orang suka melanggan mereka bagi menjimatkan wang.

"Perkara ini sungguh ironi sebab keadaan sedemikian mencetuskan kitaran bahaya kerana kurang perbelanjaan bererti lebih banyak perniagaan menghadapi penurunan pendapatan.

"Seandainya hal ini berterusan bagi tempoh tertentu, pendapatan menjadi kurang daripada perbelanjaan untuk membayar gaji sehingga perniagaan berkenaan mengalami kerugian," katanya.

Adzmi berkata, apabila tiba ke tahap itu, pemilik terpaksa membuat keputusan untuk menutup kedai atau memberhentikan pekerja.

Akibatnya, lebih ramai pekerja menganggur dan sudah pasti mereka tidak dapat membeli melainkan sesuatu yang mereka perlukan untuk kehidupan seharian.

Justeru, katanya, senario yang sama boleh diterapkan dalam industri kereta.

Statistik dalaman menunjukkan aliran membeli kereta tidak dapat lagi diramalkan di kalangan semua kumpulan pendapatan.

"Sejak Oktober lalu, EON menghadapi penurunan jualan kereta kerana antara lain disebabkan keyakinan pengguna teruk terhakis.

"Dalam hal ini, kita tidak seharusnya terlalu memikirkan suasana suram ini sehingga keadaan langsung menjadi lumpuh," katanya.

(END)

